

20/03/2002

'Malaysia mampu terajui dunia Islam'

Ahmad Fauzi Mustafa

DURBAN, Selasa - Malaysia boleh menjadi pemimpin dan suara sejagat bagi negara Islam di seluruh dunia masa kini dalam menegakkan agama itu lebih dihormati dan tidak dipandang serong.

Ulama Islam terkemuka, Sheikh Ahmed Deedat, 83, yang kini lumpuh seluruh badan, yakin Malaysia berpotensi menerajui dunia Islam pada abad siber ini.

Sheikh Ahmed seorang tokoh Islam dunia terkenal, sering membincangkan masalah agama termasuk menyentuh soal agama Yahudi dan Nasrani atau Kristian sejak berpuluh tahun lalu.

Bagaimanapun, beliau yang pernah mengunjungi Malaysia pada 1992, lumpuh sejak tujuh tahun lalu, sekadar dapat berinteraksi dengan mata dengan menggunakan sistem abjad secara berjadual yang dicipta khas bagi hubungan komunikasi dua hala dengan anaknya, Yousuf.

Wakil Berita Harian bersama jurugambar sempat menemubual beliau mengenai senario Islam sejagat masa kini di samping menyentuh peranan Malaysia dalam soal berkenaan bersama tokoh ulama Islam itu.

Menerusi bantuan Yousuf, Sheikh Ahmed berkata, pemimpin Malaysia terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mempunyai pengaruh kuat dan pandangan jauh dalam menentukan hala tuju masyarakat Islam dunia.

"Beliau (Dr Mahathir) bukan sekadar memimpin Malaysia saja, tetapi perlu memimpin dunia Islam dengan sokongan negara Islam.

"Saya mengagumi pemimpin awak (Malaysia), tetapi sayang belum pernah ada pemimpin Malaysia melawat bagi mendapat pandangan saya dalam menyelesaikan kemelut Islam masa kini.

"Teringin benar berjumpa dengan pemimpin awak (Malaysia) terutama Dr Mahathir.

"Saya juga mengenali Tunku Abdul Rahman (Perdana Menteri Malaysia pertama) dan dia (Allahyarham) seorang pemimpin yang baik," katanya di rumahnya di Verulam, di sini, minggu lalu.

Sheikh Ahmed pernah berceramah di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, pada 21 Februari 1992, di samping berkunjung ke beberapa negeri termasuk Johor dan Selangor serta universiti tempatan.

Sebagai seorang ulama yang lantang dalam soal agama Islam, ramai pemimpin dan tokoh agama lain di dunia gagal berdebat dengan Sheikh Ahmed yang juga terkenal dengan kebijaksanaannya ketika berpidato dalam ilmu perbandingan.

Berita Harian difahamkan, Sheikh Ahmed yang lumpuh sejak tujuh tahun lalu mampu menghasilkan 25 buku agama dan dakwah hasil bantuan Yousuf dan seorang guru tempatan, Afzal Yusuf.

Ditanya mengenai Islam yang dipandang sebagai penganjur keganasan, menurut Sheikh Ahmed, beliau tidak mengetahui apa yang berlaku sekarang kerana keadaannya yang tidak mengizinkan, tetapi yakin Islam akan kembali gemilang.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Shourah Ulama Afrika Selatan, Mufti Mohammed Akber Hazarvi, ketika ditemui di Pretoria Barat berkata, apa yang dicapai Malaysia cukup mengagumkan pada peringkat antarabangsa.

"Bukan saja pembangunan politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan, malah agama Islam masih tetap menjadi teras dalam segala tindak-tanduknya.

"Malaysia sudah boleh menjadi idola negara Islam lain dan kita selaku saudara seagama juga memerlukan suara kuat dari Malaysia dalam

memperjuangkan Islam.

"Sudah tiba masanya Malaysia mahu pun pemimpinnya lebih agresif dalam mempertahankan suara Islam sejagat," katanya.

(END)